

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR
GAJAH]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mencapai sasaran 13,200 pusat-pusat penjagaan kanak-kanak pada tahun 2020 dan apakah usaha Kementerian dalam menangani masalah pusat-pusat jagaan kanak-kanak yang tidak berdaftar di Negara ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Di Pertua:

Mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Jun 2016 terdapat **1,077** buah pusat jagaan kanak-kanak berdaftar dan pendaftaran baharu bagi bulan Januari hingga Jun 2016 sahaja, sebanyak **114** buah Pusat Jagaan Kanak-Kanak di seluruh Malaysia telah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Manakala, bagi Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) hingga Jun 2016 terdapat sebanyak **4,240** buah TASKA berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

KPWKM melalui JKJ telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menggalakkan pendaftaran TASKA dan pusat jagaan iaitu:

- a) Bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam *One Stop Centre* (OSC) di peringkat daerah dan negeri bagi tujuan memudahkan urusan pendaftaran pusat jagaan secara berkala (3 bulan sekali) atau mengikut keperluan kes;
- b) Melaksanakan 'Kempen Jom Daftar' di setiap Daerah/Negeri pada setiap tahun;
- c) Menjalankan program-program literasi undang-undang atau program advokasi untuk memaklumkan kepada pengusaha/pengendali tentang kewajipan berdaftar dan tindakan penguatkuasaan yang boleh dikenakan sekiranya tidak berdaftar atau tidak mematuhi peruntukan di dalam Akta; dan
- d) Menjalankan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan. Untuk pusat jagaan, 2 buah pusat jagaan didakwa pada tahun 2014 dan sehingga September 2016 sebanyak 4 buah pusat jagaan telah didakwa di Mahkamah akibat tidak berdaftar. Semenjak tahun 2014 hingga kini, JKM telah mengambil tindakan ke atas 8 buah TASKA, 22 buah TASKA telah dikenakan kompaun, 43 buah TASKA dikeluarkan Arahan Bertulis, 71 buah TASKA

dibatalkan pendaftaran, 5 buah TASKA dikenakan tindakan tutup sementara dan 7 buah TASKA telah didakwa.

KPWKM sedar akan keperluan TASKA dan pusat jagaan kanak-kanak semakin meningkat setiap hari. Walau bagaimanapun, pihak kementerian tiada sasaran khusus jumlah TASKA atau pusat jagaan kanak-kanak untuk dicapai menjelang tahun 2020 kerana permintaan perkhidmatan ini adalah berdasarkan kuasa pasaran. Pada masa ini, KPWKM sedang giat menambah baik sistem TASKA melalui *Task Force Ramping Up The Early Childhood and Care Education (ECCE) Industry*. *Task force* yang dipengerusikan oleh YB Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini telah ditubuhkan untuk membincangkan isu-isu, cabaran dan penambahbaikan secara holistik pengoperasian dan kualiti TASKA di Malaysia. Antara isu yang diberi perhatian dalam *task force* ini ialah isu kekurangan TASKA dan mekanisme yang sesuai untuk meningkatkan jumlah TASKA di Malaysia.